

Tun M: Hapuskan rasuah, tarik pelabur ke Malaysia

UM - 20/6/2022 m/d: 3

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu mencari jalan menghapuskan rasuah dari terus berleluasa memandangkan belum ada usaha kuat setakat ini bagi menamatkan kegiatan tersebut.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, langkah itu perlu bagi menyakinkan pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan di negara ini dan mengelak negara kehilangan mereka.

“Tetapi kita d a p a t i

tidak ada satu usaha yang kuat untuk menghapuskan kegiatan tersebut. Selain itu, infrastruktur pentadbiran kita mesti cekap dalam menangani pelabur,” katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Terdahulu Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang Kemiskinan Rakyat Malaysia Pasca Pandemik anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM).
D a l a m



...kebanyakan pelabur lebih berminat untuk melakukan pelaburan di Indonesia, kerana antara lain disebabkan populasi di republik tersebut lebih besar berbanding Malaysia malah kos pengeluaran di sana juga rendah.”

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

pada itu, Dr. Mahathir berkata, kebanyakan pelabur lebih berminat untuk melakukan pelaburan di Indonesia, kerana antara lain disebabkan populasi di republik tersebut lebih besar berbanding

Malaysia malah kos pengeluaran di sana juga rendah.

“Penduduk Indonesia 270 juta sedangkan Malaysia cuma 32 juta jadi pasaran di sana lebih besar. Malah, kos pengeluaran di Indonesia juga lebih rendah, untuk ini kita perlu cari jalan supaya kos ini dapat diatasi oleh kita,” ujarnya.

Selain itu, menurut beliau, Malaysia juga perlu menghapuskan rasuah bagi menggalakkan pelabur yakin untuk membuat pelaburan di sini.

“Kadangkala pelabur datang ke negara nak jumpa pegawai, menteri tak dapat, jauh sekali dapat Perdana Menteri. Layanan kepada pelabur walaupun menteri tak faham apa itu pelaburan tetapi memberi layanan baik kepada pelabur akan menyebabkan mereka melabur di Malaysia,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berpendapat pelaburan adalah satu perkara yang mampu memperkayakan negara dan tanpanya ia akan menjadikan Malaysia sebagai negara miskin.

“Kalau pelabur tak dilayan dengan baik, tiada dasar yang menarik saya percaya individu seperti Elon Musk seumpamanya akan lebih memilih pergi ke Indonesia,” jelasnya.

